



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

KENYATAAN MEDIA

**PENGGANTUNGAN LESEN SYARIKAT HEJIRA TRAVEL & TOURS
HOLDING SDN. BHD (NO. LESEN : MOTAC L/N/10723)**

Adalah dimaklumkan selaras dengan seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482], Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah memutuskan untuk menggantung lesen **Syarikat Hejira Travel & Tours Holding Sdn. Bhd. [202201041341 (1487038-K)] (“Syarikat”)** (No. Lesen : MOTAC L/N/10723) berkuat kuasa mulai 28 Februari 2025 sehingga 31 Ogos 2025.

2. Sepanjang tempoh penggantungan lesen, Syarikat hendaklah —

- (i) menyelesaikan semua perjalanan yang telah ditempah/dibayar dan tidak membuat sebarang urusan niaga baharu termasuklah tidak membuat pengiklanan jualan pakej; dan
- (ii) serta-merta memulangkan semula bayaran serta apa-apa dokumen milik jemaah umrah yang telah diambil daripada jemaah yang memilih untuk mengenselkan tempahan.

MOTAC memandang serius sebarang pelanggaran peruntukan undang-undang oleh pengusaha pelancongan berlesen demi menjaga kebajikan dan kepentingan rakyat Malaysia Madani.

Sekian, terima kasih.

Pesuruhjaya Pelancongan

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac